



JABATAN PERDANA MENTERI

GARIS PANDUAN TATACARA MENCUKUPI

DI BAWAH SUBSEKSYEN (5) SEKSYEN 17A
AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009





GARIS PANDUAN TATACARA MENCUKUPI
DI BAWAH SUBSEKSYEN (5) SEKSYEN 17A
AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009

KANDUNGAN

1 1. OBJEKTIF

1 2. TERMA DAN DEFINISI

1 3. PENGENALAN

2 4. PRINSIP-PRINSIP TATACARA MENCUKUPI:
T.R.U.S.T.

2 4.1 KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN
(*TOP LEVEL COMMITMENT*)

4 4.2 ANALISA RISIKO
(*RISK ASSESSMENT*)

5 4.3 PELAKSANAAN LANGKAH KAWALAN
(*UNDERTAKE CONTROL MEASURES*)

6 4.4 PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN
PENGUATKUASAAN SECARA SISTEMATIK
(*SYSTEMATIC REVIEW, MONITORING
AND ENFORCEMENT*)

7 4.5 LATIHAN DAN KOMUNIKASI
(*TRAINING AND COMMUNICATION*)

8 5. PINDAAN

8 6. KAJIAN KES

9 LAMPIRAN

1. OBJEKTIF

Garis panduan ini dikeluarkan selaras dengan subseksyen (5) seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009), sepertimana yang dinyatakan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) Akta 2018 (Akta SPRM (Pindaan) 2018).

Objektif garis panduan ini adalah untuk membantu organisasi komersial memahami kaedah pelaksanaan tatacara mencukupi yang boleh dilaksanakan bagi mencegah berlakunya rasuah yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan.

Garis panduan ini diwujudkan berasaskan lima prinsip utama yang boleh dijadikan asas rujukan oleh organisasi komersial untuk melaksanakan apa-apa polisi, prosedur dan langkah kawalan berkaitan anti-rasuah yang bersesuaian ke arah mencapai matlamat mempunyai tatacara mencukupi sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

2. TERMA DAN DEFINISI

Bagi tujuan garis panduan ini, terma-terma yang digunakan dalam dokumen ini mempunyai maksud dan takrifan sepertimana dalam Akta SPRM 2009. Takrifan bagi

terma-terma tambahan yang tiada dalam Akta ini adalah seperti di Lampiran.

3. PENGENALAN

3.1 Peruntukan di bawah seksyen 17A Akta SPRM 2009, telah menetapkan prinsip liabiliti korporat yang mana organisasi komersial adalah melakukan suatu kesalahan jika mana-mana pekerja dan/ atau pihak bersekutunya melakukan rasuah untuk faedah organisasi tersebut. Organisasi komersial tersebut boleh disifatkan bersalah dalam keadaan sama ada/ tidak, pihak pengurusan atasannya dan/atau wakilnya tahu tentang kelakuan rasuah oleh pekerja atau pihak bersekutunya.

3.2 Peruntukan undang-undang ini bertujuan untuk menggalakkan perniagaan dijalankan dalam persekitaran bebas rasuah, dan menggalakkan organisasi komersial untuk mengambil langkah yang bersesuaian dan selari bagi memastikan perniagaan yang dijalankan tidak terlibat dalam aktiviti rasuah untuk tujuan kepentingan dan matlamat mereka. Langkah-langkah yang diambil ini perlu merangkumi dalam bentuk polisi dan prosedur, latihan, komunikasi dan penguatkuasaan bagi memastikan keberkesannya.

- 3.3 Jika organisasi komersial dipertuduh bagi kesalahan di bawah seksyen 17A Akta SPRM 2009, menjadi pembelaan bagi organisasi komersial tersebut untuk membuktikan bahawa organisasi komersial itu mempunyai tatacara mencukupi untuk menghalang pekerja dan/ atau orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu daripada melakukan kesalahan rasuah berkaitan dengan aktiviti perniagaannya.
- 3.4 Berdasarkan subseksyen (5) seksyen 17A di bawah Akta SPRM 2009, Menteri hendaklah mengeluarkan garis panduan berhubung dengan tatacara mencukupi. Garis panduan ini disediakan untuk bersifat tidak preskriptif dan boleh dilaksanakan berdasarkan kesesuaian mana-mana organisasi komersial yang terdiri daripada apa-apa saiz dan jenis industri. Pemakaian garis panduan ini tidak harus dianggap bersesuaian untuk semua bentuk keadaan. Sehubungan itu, garis panduan ini hendaklah dilaksanakan secara praktikal dengan mengambil kira skala, sifat, industri, risiko dan kompleksiti sesebuah organisasi komersial.
- 3.5 Sekiranya berlaku insiden rasuah, kecukupan tatacara

sesebuah organisasi komersial untuk menghalang terjadinya insiden rasuah adalah tertakluk kepada budi bicara mahkamah. Dalam membuat pertimbangan, pihak kehakiman kebiasaannya akan mengambil kira fakta dan keadaan tertentu kes, termasuk kewujudan dasar, prosedurdan kaedah pelaksanaan langkah pencegahan rasuah oleh organisasi. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tatacara mencukupi ini dapat memberi keyakinan kepada organisasi komersial bahawa ia telah mempunyai pembelaan yang bersesuaian yang boleh digunakan untuk melindungi organisasi komersial dan pihak pengurusan atasannya daripada didapati bertanggungjawab ke atas kesalahan yang disebut dalam seksyen 17A Akta SPRM 2009 berkenaan.

4. PRINSIP-PRINSIP TATACARA MENCUKUPI : T. R .U .S. T.

4.1 PRINSIP I: KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN (TOP LEVEL COMMITMENT)

- 4.1.1 Pengurusan atasan adalah bertanggungjawab dalam memastikan organisasi komersial:
- (i) mengamalkan integriti dan etika di tahap yang tertinggi;
 - (ii) mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan anti-rasuah

yang berkuatkuasa; dan
(iii) menguruskan risiko rasuah utama organisasi secara berkesan.

4.1.2 Pihak pengurusan atasan juga perlu memberi jaminan kepada pemegang taruh bahawa operasi organisasi komersial mematuhi dasar-dasar dalaman dan keperluan yang digariskan dalam peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Ia termasuklah mewujudkan teladan baik oleh pengurusan atasan (seperti menyatakan pendirian organisasi berhubung larangan perlakuan rasuah dalam aktiviti perniagaan) dan menerajui usaha organisasi untuk meningkatkan kecekapan rangka kerja pengurusan risiko rasuah, sistem kawalan dalaman, penilaian dan pemantauan serta latihan dan komunikasi.

4.1.3 Bagi tujuan ini, organisasi komersial boleh melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

(i) mewujudkan, memastikan kesinambungan dan membuat penilaian secara berkala ke atas program pematuhan berhubung anti-rasuah termasuklah objektif dan dasar yang mencukupi bagi menangani risiko rasuah;

(ii) mempromosi budaya integriti dalam organisasi;

(iii) mengeluarkan arahan supaya polisi dan komitmen organisasi berhubung anti-rasuah diuar-uarkan kepada pihak dalaman dan luaran;

(iv) menggalakkan penggunaan sebarang bentuk saluran pelaporan atau “pemberi maklumat” bagi melaporkan tentang pihak yang disyaki terlibat dalam rasuah dan/atau insiden sebenar rasuah atau berkaitan ketidakcukupan program pematuhan anti-rasuah;

(v) melantik seorang pegawai atau mewujudkan fungsi (yang boleh juga dari luar organisasi) untuk bertanggungjawab melaksanakan tugas berkaitan pematuhan undang-undang atau peraturan berkaitan anti-rasuah, termasuklah memberi nasihat dan bimbingan kepada kakitangan dan pihak bersekutu dengan syarikat melalui program anti-rasuah yang dilaksanakan;

(vi) menentukan hubungan kuasa yang sewajarnya bagi kakitangan yang ditugaskan memantau program pematuhan berkaitan anti-rasuah; dan

(vii) memastikan hasil bagi laporan audit, penilaian risiko, langkah kawalan

dan prestasinya dilaporkan kepada pengurusan atasan, termasuk Lembaga Pengarah dan diambil tindakan sewajarnya.

4.2 PRINSIP II:

ANALISA RISIKO (RISK ASSESSMENT)

4.2.1 Penilaian risiko rasuah seharusnya dijadikan asas kepada usaha anti-rasuah organisasi. Sehubungan itu, organisasi komersial hendaklah melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat perubahan dalam undang-undang atau keadaan melalui pengenalpastian risiko, analisis, penilaian dan memberi keutamaan kepada risiko rasuah dalaman dan luaran bagi organisasi berkenaan. Hasil penilaian risiko ini seharusnya dijadikan asas oleh organisasi untuk mewujudkan proses, sistem dan kawalan yang diluluskan oleh pengurusan atasan untuk mengurangkan risiko perniagaan daripada terdedah kepada unsur rasuah.

4.2.2 Bagi tujuan ini, penilaian risiko yang komprehensif disarankan dilaksanakan setiap tiga tahun, berserta penilaian secara bersela sekiranya perlu. Penilaian boleh merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

(i) peluang rasuah dan aktiviti

- fraud akibat daripada kelemahan tadbir urus rangka kerja dan sistem/ prosedur dalaman organisasi;
- (ii) transaksi kewangan yang menyamari bayaran rasuah;
- (iii) aktiviti perniagaan dalam negara atau sektor yang terdedah kepada risiko rasuah yang lebih tinggi;
- (iv) kegagalan pihak luar yang bertindak bagi pihak organisasi komersial untuk mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan anti-rasuah. Perlu diberi perhatian bahawa, dengan mengambil kira takrifan yang meluas berhubung pihak yang bersekutu, organisasi komersial boleh dituduh atas kesalahan rasuah yang dilakukan oleh pihak ketiga; dan
- (v) hubungan dengan pihak perkhidmatannya yang boleh mengakibatkan organisasi komersial cenderung terdedah kepada rasuah.

4.2.3 Penilaian risiko rasuah boleh dilaksanakan secara berasingan, walau bagaimanapun, organisasi komersial adalah disarankan untuk memasukkan penilaian risiko rasuah sebagai sebahagian daripada keseluruhan penilaian risiko organisasi.

4.3 PRINSIP III: PELAKSANAAN LANGKAH KAWALAN (UNDERTAKE CONTROL MEASURES)

4.3.1 Organisasi komersial perlu mewujudkan langkah kawalan dan kontingensi yang munasabah dan bersesuaian dengan sifat serta saiz organisasi bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan dalam rangka kerja tadbir urus, proses dan prosedur organisasi. Ia perlu merangkumi perkara-perkara berikut:

(a) Usaha wajar

Organisasi komersial perlu mewujudkan kriteria utama atau pertimbangan untuk menilai melalui usaha wajar terhadap pihak atau kakitangan yang terlibat (Contohnya ahli Lembaga Pengarah, kakitangan, agen, pengusaha, kontraktor, pembekal, perunding dan pegawai kanan awam) dalam memeterai sebarang urusan rasmi. Kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan merangkumi semakan latar belakang ke atas individu atau entiti, proses pengesahan dokumen atau mengendalikan temuduga terhadap individu yang dilantik menjawat jawatan yang dikenal pasti berisiko rasuah.

(b) Saluran pelaporan

Organisasi komersial perlu:

- (i) mewujudkan saluran yang mudah diakses dan dipercayai kerahsiaannya terjamin (saluran pemberi maklumat), yang boleh digunakan tanpa perlu mendedahkan identiti pelapor, bagi kegunaan pihak dalaman dan luaran untuk melaporkan isu-isu seperti insiden rasuah sebenar atau disyaki atau berkaitan ketidakcukupan program anti-rasuah. Bagi organisasi kecil dan sederhana, saluran pelaporan boleh dibuat sekurang-kurangnya melalui emel;
- (ii) menggalakkan individu untuk melapor dengan suci hati, sebarang insiden rasuah yang disyaki, cubaan atau insiden rasuah sebenar;
- (iii) mewujudkan sistem pengurusan maklumat yang selamat bagi memastikan kerahsiaan identiti pemberi maklumat dan maklumat aduan; dan
- (iv) melarang sebarang tindakan diambil terhadap pihak yang melaporkan aduan dengan suci hati.

4.3.2 Justeru, organisasi komersial perlu mewujudkan dasar dan prosedur yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) dasar atau kenyataan awam berhubung rasuah dan anti-

- rasuah;
- (ii) konflik kepentingan;
- (iii) hadiah, hiburan, hospitaliti dan perjalanan;
- (iv) sumbangan dan penajaan, termasuk sumbangan politik;
- (v) bayaran kemudahan;
- (vi) kawalan kewangan seperti pengasingan tugas dan kuasa atau menetapkan pelbagai penandatanganan untuk transaksi kewangan;
- (vii) kawalan bukan kewangan seperti pengasingan tugas dan kuasa atau proses pra-tender;
- (viii) menguruskan dan menambah baik sebarang ketidakcukupan dalam rangka kerja pemantauan anti-rasuah; dan
- (ix) menyimpan rekod bagi tujuan pengurusan dokumen berkaitan tatacara mencukupi.

4.3.3 Dalam hal ini, dasar organisasi perlu:

- (i) disahkan oleh pengurusan atasan;
- (ii) sentiasa dikemaskini;
- (iii) mudah didapati secara umum; dan
- (iv) sesuai digunakan di mana dan bila diperlukan.

4.4 PRINSIP IV: PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PENGUATKUASAAN SECARA SISTEMATIK (SYSTEMATIC REVIEW, MONITORING AND ENFORCEMENT)

4.4.1 Pengurusan atasan perlu memastikan penilaian secara berkala dilaksanakan bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program anti-rasuah, dan memastikan program tersebut dikuatkuasakan. Penilaian tersebut boleh dilaksanakan melalui audit dalaman, atau audit yang dilaksanakan oleh pihak luar.

4.4.2 Hasil penilaian boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan anti-rasuah sedia ada di organisasi.

4.4.3 Bagi tujuan ini, organisasi komersial boleh mempertimbangkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) merancang, mewujudkan, melaksanakan dan memastikan kesinambungan program pemantauan, yang merangkumi skop, kekerapan dan kaedah penilaian;
- (ii) mengenal pasti individu yang cekap dan/atau mewujudkan fungsi pematuhan bagi melaksanakan audit dalaman, yang berkaitan dengan langkah anti-rasuah

- organisasi;
- (iii) melaksanakan penilaian dan penambahbaikan secara berterusan ke atas dasar dan prosedur organisasi berkaitan anti-rasuah;
 - (iv) mempertimbangkan penggunaan audit luar (contohnya, audit MS ISO 37001) oleh pihak ketiga yang bebas dan berkelayakan sekurang-kurangnya sekali bagi setiap tiga tahun bagi mendapatkan kepastian bahawa operasi organisasi mematuhi dasar-dasar dan prosedur-prosedur berkaitan anti-rasuah;
 - (v) memantau prestasi kakitangan berkaitan dasar dan prosedur anti-rasuah bagi memastikan setiap kakitangan memahami pendirian dan mematuhi peraturan organisasi berhubung anti-rasuah dalam setiap fungsi dan peranan masing-masing; dan
 - (vi) mengambil tindakan tatatertib ke atas kakitangan yang didapati tidak mematuhi peraturan anti-rasuah yang ditetapkan oleh organisasi.

4.5 PRINSIP V: LATIHAN DAN KOMUNIKASI (TRAINING AND COMMUNICATION)

- 4.5.1 Organisasi komersial perlu membangunkan dan menghebahkan maklumat berhubung sistem pengurusan anti-rasuah melalui latihan dan komunikasi dalaman dan luaran, yang bersesuaian dengan operasi, meliputi perkara-perkara berikut:
- (i) dasar;
 - (ii) latihan;
 - (iii) saluran pelaporan aduan; dan
 - (iv) kesan ke atas ketidakpatuhan peraturan berkaitan.

Komunikasi Berhubung Dasar

- 4.5.2 Dasar anti-rasuah organisasi perlu dipaparkan secara umum, dan dihebahkan sewajarnya kepada semua kakitangan dan pihak bersekutu dalam perniagaan.
- 4.5.3 Dalam merancang strategi komunikasi berhubung anti-rasuah, organisasi perlu mengambil kira maklumat penting yang perlu dihebahkan, kepada siapa ia dihebahkan, bagaimana ia dihebahkan dan tempoh masa untuk melaksanakan pelan komunikasi. Organisasi perlu mempertimbangkan penggunaan bahasa yang

bersesuaian bagi tujuan penghebahan.

4.5.4 Komunikasi berkaitan dasar organisasi boleh juga dilaksanakan melalui pelbagai medium dan format yang merangkumi dan tidak terhad kepada:

- (i) maklumat dalam laman sesawang dan intranet organisasi;
- (ii) emel, buletin dan poster;
- (iii) kod etika perniagaan dan buku panduan pekerja;
- (iv) video seminar atau mesej; dan
- (v) sesi perhimpunan.

Latihan

4.5.5 Organisasi komersial perlu menyediakan latihan secukupnya kepada pekerja dan pihak bersekutu dalam perniagaan bagi memastikan kefahaman mereka berhubung pendirian organisasi berhubung anti-rasuah, terutamanya berkaitan peranan mereka di dalam dan luar organisasi komersial tersebut.

4.5.6 Latihan boleh dilaksanakan dalam pelbagai format, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (i) program induksi yang menerapkan elemen anti-rasuah;

- (ii) latihan peranan khusus yang memberi gambaran jawatan yang terdedah dengan risiko rasuah;

- (iii) program latihan korporat, seminar, video dan kursus dalaman organisasi;

- (iv) intranet atau program berasaskan web;

- (v) sesi perhimpunan;

- (vi) program pemukiman; dan

- (vii) program turun padang.

5. PINDAAN

5.1 Garis panduan ini boleh dipinda oleh Menteri dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

6. KAJIAN KES

6.1 Contoh-contoh kajian kes dipaparkan di laman web rasmi Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional.



YB Datuk Liew Vui Keong
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Malaysia

Putrajaya

Tarikh: 4 Disember 2018

LAMPIRAN

Definisi bagi terma utama dalam seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan garis panduan ini:

i) **“organisasi komersial”** ertinya-

- a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;
- b) suatu syarikat di mana jua diperbadankan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan di Malaysia;
- c) suatu perkongsian –
 - (i) di bawah Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain; atau
 - (ii) yang merupakan perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain; atau
- d) suatu perkongsian di mana jua ditubuhkan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan di Malaysia.

ii) **“pengurusan atasan”** ertinya- seseorang –

- a) yang menjadi pengarah, pengawal, pegawai atau pekongsinya; atau
- b) yang terlibat dengan pengurusan hal ehwalnya.

iii) **“sekutu”**, berhubungan dengan seseorang, ertinya-

- a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
- d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh

- peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
- e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika:
- (i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - (ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.
- iv) “**badan awam**” termasuklah -
- a) Kerajaan Malaysia;
 - b) Kerajaan sesuatu Negeri;
 - c) mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang lain;
 - d) mana-mana jabatan, perkhidmatan atau pengusahaan Kerajaan Malaysia, Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu pihak berkuasa tempatan;
 - e) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah subseksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335];
 - f) mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966;
 - g) mana-mana badan sukan yang didaftarkan di bawah seksyen 17 Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576];
 - h) mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Koperasi 1993 [Akta 502];
 - i) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah seksyen 12 Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262];
 - j) mana-mana pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah seksyen 9 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668];
 - k) mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau yang dalamnya mana-mana badan awam yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) atau (j) mempunyai kawalan atau kepentingan; atau
 - l) mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.
- v) Bagi tujuan garis panduan ini, “**pegawai awam**” bermaksud pegawai bagi badan awam.



**Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok Barat
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya**

Tel : 03- 8872 7184
Faks : 03- 8890 5440
Emel : giacc@jpm.gov.my
Laman web : giacc.jpm.gov.my

